

## MEMPOPULAR SENI SILAT

*Menarik silat*  
**S**ILAT termasuk dalam seni mempertahankan diri di samping tergolong dalam satu bentuk riadah. Ia termasuk dalam kumpulan yang sama seperti seni-seni mempertahankan diri yang lain seperti tae kwon-do, karate atau tai-chi yang kini mempunyai pengikut yang ramai. Walaupun silat adalah 'kepunyaan' masyarakat Melayu, tetapi dilihat khususnya dalam konteks riadah, pengetahuan mengenainya perlu disebarikan kepada masyarakat-masyarakat lain. Zaman bahawa silat perlu diajar secara rahsia dan dikhususkan semata-mata kepada orang-orang Melayu kini telah berlalu, dan guru-guru silat sekarang telah bersedia untuk memperkenalkan seni itu kepada masyarakat lain. Dalam zaman moden yang mempunyai sistem perhubungan yang begitu berkesan, perubahan pendekatan terhadap perkara itu adalah satu keperluan.

Oleh itu apabila Persilat (Persekutuan Silat Antarabangsa) memutuskan untuk memperkenalkan seni silat ke negara-negara Eropah, Amerika dan Australia, ia merupakan satu langkah yang mencerminkan kesedaran betapa seni silat perlu dipopularkan dan diperkembangkan sebagaimana yang berlaku pada seni-seni mempertahankan diri yang lain. Ia membayangkan pengakuan betapa segala bentuk ilmu dan kemahiran perlu dikongsi bersama, tanpa mengenakan sebarang batasan yang tertentu.

**17 AUG 1982**  
Bagaimanapun, tugas ini tidaklah mudah. Salah satu saluran untuk memperkenalkan silat di dunia antarabangsa ialah menerusi satu peraduan atau pertunjukan di peringkat antarabangsa antara seni-seni mempertahankan diri yang ada di dunia, tetapi peraduan atau pertunjukan serupa itu masih belum ada setakat ini. Mungkin Persilat boleh mengorak langkah untuk memulakannya. Di samping itu, untuk meninggalkan kesan yang luas, guru-guru silat perlu ditempatkan di negara-negara tertentu untuk mengajar seni itu menerusi kelas-kelas yang dibuka. Bagaimanapun, adakah persatuan-persatuan silat kita telah bersedia untuk memikul tugas ini? Sementara jawapan kepada soalan itu dicari, kita juga tidak harus lupa kepada keperluan memperkenalkan seni itu kepada masyarakat-masyarakat lain di dalam negeri sendiri, di samping dua buah negara jiran di dalam Asean — Filipina dan Thailand.

3  
ng  
ng  
lan  
ten-  
ma-  
ung  
rkan  
yang  
gung  
ngkan  
un la  
Valley